

Sijil Perakuan Bomba jaminan keselamatan bangunan beroperasi

Oleh: Ts MOHAMMAD AFFENDY OMARDIN

affendi@ump.edu.my (mailto:affendi@ump.edu.my)



Bangunan selamat untuk diduduki merupakan jaminan agar penghuni berada dalam keadaan selamat bagi mengadakan sebarang aktiviti. Sijil Perakuan Bomba (FC) atau *'fire certificate'* merupakan dokumen yang merupakan satu talian hayat bagi mengiktirafkan sesebuah bangunan selamat untuk didiami. Perakuan bomba ini merupakan nadi bagi bangunan. Ketiadaan FC bagi sesebuah bangunan mengundang risiko tinggi terhadap kebakaran. Keperluan ini perlu dipenuhi bagi bangunan-bangunan yang sering dikunjungi oleh orang ramai dan aktif beroperasi seperti hospital, bangunan pejabat, sekolah dan lain-lain. Selain itu, ketidakpatuhan pada peraturan yang termaktub di dalam Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 juga penyebab kegagalan memperoleh FC.

Kebanyakan pemilik bangunan yang telah berusia tidak dapat menyediakan beberapa dokumen-dokumen utama iaitu pelan bangunan lengkap bagi menunjukkan keadaan semasa bangunan beroperasi. Selain itu, ketiadaan sistem keselamatan kebakaran dan kekurangan kemudahan penyelenggaraan yang baik antara penyebab kegagalan mendapatkan FC. Kegagalan pemilik bangunan menyediakan FC umpama menempah bom jangka yang mungkin meletus bila-bila masa. Bangunan yang tidak diselenggarakan dengan baik antara mengundang risiko-risiko musibah terhadap penghuni bangunan. Kerancangan pembangunan menjadikan kerja-kerja pengubahsuaian bangunan dilakukan tanpa merujuk pihak-pihak yang berkelayakan iaitu pihak berkuasa tempatan bagi meluluskan dokumen-dokumen pengubahsuaian.

Persediaan untuk mendapatkan Sijil Perakuan Bomba

Pereka bentuk bangunan profesional seperti arkitek dan jurutera bangunan melakukan semakan bagi menilai reka bentuk dan struktur bangunan sebelum penyerahan bangunan dilakukan. Di samping itu, penelitian terhadap prosedur perlu dilakukan bagi memastikan bangunan berada di tahap yang terbaik sebelum diduduki dan beroperasi serta mengemas kini sistem pengurusan bangunan sedia ada bagi memastikan ianya ditahap yang terbaik.

Perlaksanaan pengurusan risiko kemalangan dapat menganalisa sebarang kemungkinan masa depan operasi sesebuah bangunan. Dapatan kajian dan keberhasilan analisa dapat meramal ketidaklancaran dan membantu menambah baik sistem pengurusan sedia ada.

Banyak musibah yang melibatkan kebakaran telah berlaku di beberapa bangunan awam. Ketiadaan sistem keselamatan kebakaran dan kegagalan melakukan penyelenggaraan kemudahan bangunan yang baik merupakan sebahagian penyebab utama. Kos yang tinggi bagi mengadakan peralatan keselamatan kebakaran dan melakukan aktiviti penyelenggaraan dijadikan alasan kesukaran bagi pemilik premis.

Justeru, penyelenggaraan bangunan perlu dijadikan sebagai salah satu prosedur keselamatan bagi meningkatkan keupayaan bangunan beroperasi dalam keadaan yang terbaik. Langkah awalan iaitu menyediakan lukisan seperti dibina (*ss built drawing*). Dokumen ini merupakan sebuah lukisan yang dibuat apabila bangunan yang dibina telah siap berdasarkan kedudukannya yang sebenar di tapak bina. Lukisan ini dirujuk untuk mengenal pasti masalah atau kerja-kerja tambahan yang di perlukan pada sesuatu bangunan yang telah siap dibina berdasarkan keadaan sebenar bangunan yang telah dibina. Antara keperluan dalam FC perlu ditunjukkan iaitu jalan keluar, pintu keluar, dinding pengasing, tangga, koridor, dan dinding petak serta pemasangan keselamatan kebakaran. Rujukan bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat perlu diadakan oleh pemilik bangunan sebagai sokongan bagi menyemak keperluan kebombaannya.

Pemerhatian terhadap bangunan-bangunan yang telah beroperasi hampir dan lebih 100 tahun perlu dipertingkatkan dan ditambah baik sistem pencegah kebakaran. Pentarafan bangunan juga perlu diadakan bagi melabelkan jaminan bangunan selamat untuk diduduki. Penguatkuasaan tahap keselamatan bangunan perlu juga dipertingkatkan bagi premis-premis yang tidak mematuhi syarat-syarat beroperasi. Kegagalan menyediakan FC sering kali kita menunding jari pada mana-mana pihak yang tidak mematuhi syarat-syarat menduduki bangunan. Jangan pejamkan mata dan menangis setelah berlakunya tragedi yang mana ianya berakar umbi dari kegagalan kita.

Penulis ialah pensyarah di Fakulti Teknologi Kejuruteraan UMP.

Sidang Editorial

PENAUNG

Profesor Dato' Sri ts. Dr. Daing Nasir Ibrahim
daing@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Saiful Bahri Ahmad Bakarim
saifulbahri@ump.edu.my

EDITOR

Safriza Haji Baharuddin
safriza@ump.edu.my

WARTAWAN/PENULIS

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabita@ump.edu.my

Nadira Hana Ab. Hamid
nadira@ump.edu.my

Nur Hartini Mohd Hatta
nurhartini@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

PENTADBIR WEB

MOHD SUHAIMI BIN HASSAN
mohdsuhaimi@ump.edu.my

PEREKA GRAFIK

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my

JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

Muhammad Naufal Samsudin
naufal@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz
lin@ump.edu.my

Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan terhadap tulisan yang diterima untuk penyiaran selagi tidak mengubah isi tulisan. Karya yang disiarkan tidak semestinya menggambarkan atau mencerminkan pendapat dan sikap Buletin e-CREATE. Karya yang disiarkan tidak boleh diterbitkan semula tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirimkan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sumbangan karya boleh dihantar melalui e-Mel atau pos kepada penerbit di:

EDITOR

Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-424 5000
Faks: 09-424 5055
e-Mel: safriza@ump.edu.my



5-Star World Class Technological University
www.ump.edu.my

